

## Implikasi Konflik dalam Kalangan Pembesar Melayu dan Kesannya terhadap Perkembangan Sejarah Lukut, 1824-1880

### The Implications of Conflict among Malay Aristocrats and its Effects on the Historical Development of Lukut, 1824-1880

NUR HAFIZAH MD. HAMZAH, ADNAN JUSOH

#### ABSTRAK

*Makalah ini memfokuskan tentang implikasi konflik dalam kalangan pembesar Melayu dan kesannya terhadap perkembangan sejarah Lukut dari tahun 1824 sehingga 1880. Lukut juga menjadi perebutan dalam kalangan pembesar Melayu kerana ia merupakan kawasan yang kaya dengan bijih timah. Konflik yang tercetus disebabkan oleh beberapa isu, antaranya tuntutan pemisahan Lukut dari wilayah Kesultanan Selangor; isu persempadanan Lukut-Sungai Ujong, perebutan kawasan dan juga beban hutang. Keadaan ini menyebabkan situasi Lukut menjadi tidak stabil sehingga membawa kepada kemerosotan ekonomi. Objektif makalah ini adalah untuk membincangkan faktor yang mendorong sehingga tercetusnya konflik dalam kalangan pembesar Melayu dan implikasinya terhadap perkembangan sejarah Lukut. Kaedah kualitatif telah digunakan untuk menghasilkan artikel ini dengan menganalisis sumber primer seperti fail-fail kerajaan, surat khabar, peta, dokumen dan lain-lain di Arkib Negara Malaysia dan beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Tun Sri Lanang (UKM) dan Perpustakaan Tuanku Bainun (UPSI). Manakala sumber sekunder pula adalah dengan merujuk buku, artikel dan kertas kerja seminar. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa faktor yang telah mencetuskan konflik dalam kalangan pembesar Melayu di Lukut. Keadaan ini mengakibatkan Lukut menjadi tidak stabil sehingga tercetusnya perang saudara antara Raja Bot dan Raja Sulaiman. Selain itu, berlaku pemisahan Lukut dari wilayah Kesultanan Selangor sehingga mengakibatkan peranan Raja Bot sebagai pembesar Melayu di daerah Lukut juga telah berakhir. Kesimpulan, konflik dalam kalangan pembesar Melayu telah meninggalkan kesan yang besar dalam perkembangan sejarah di Lukut. Malahan, keadaan yang tidak stabil ini juga telah menjadi batu loncatan kepada penjajah British untuk campur tangan dan menguasai Lukut.*

*Kata kunci: Kesultanan Selangor; Lukut; bijih timah; konflik; pembesar Melayu*

#### ABSTRACT

*This article focuses on the implications of the conflicts among Malay aristocrats and their impacts on the historical development of Lukut from 1824 to 1880. Lukut was the cause of dispute among the Malay aristocrats because the land was rich in tin ore. The conflict was stirred by several issues, including the demand for the separation of Lukut from the Selangor Sultanate, the Lukut-Sungai Ujong demarcation issue, territorial disputes and the debt burden. This situation led to unstable circumstances in Lukut that contributed to economic recession. The objective of this article is to discuss the contributing factors to the conflicts among Malay aristocrats and their implications for the development of Lukut history. Qualitative methods have been used in writing this article by analyzing primary sources such as the administrative files, newspapers, maps, documents and other written work from the National Archives of Malaysia as well as several libraries namely Tun Sri Lanang Library (UKM) and Tuanku Bainun Library (UPSI). Secondary sources, on the other hand, referred to books, articles and seminar papers works. The findings have revealed that several factors sparked conflicts amongst the Malay aristocrats in Lukut. This situation caused instability in Lukut which led to a civil war(feud) between Raja Bot and Raja Sulaiman. In addition, the separation of Lukut from the Selangor Sultanate marked the end of the position of Raja Bot as a Malay aristocrat in the Lukut district. All in all, the conflict among Malay aristocrats had left a great impact on the development of history in Lukut. This unstable situation had also become a stepping stone for the British colonists to intervene and dominate Lukut.*

*Keywords: Selangor Sultanate; Lukut; tin ore; conflict; Malay aristocrats*

## PENGENALAN


Kini Lukut adalah sebahagian daripada mukim Port Dickson di Negeri Sembilan. Namun, sebelum tahun 1880, Lukut berada di bawah naungan Kesultanan Selangor, Sultan Ibrahim Shah ibni almahum Sultan Salehuddin Shah (Sultan Selangor Kedua) yang memerintah sekitar tahun 1756 hingga 1778. Walau bagaimanapun, pentadbiran Lukut adalah secara berasingan dengan pentadbiran Kesultanan Selangor. Bukan sahaja itu, Lukut berada di bawah pimpinan pembesar Melayu. Lazimnya dalam tradisi politik Melayu, Sultan akan melantik kerabat baginda untuk menjaga dan mengurus kawasan yang berkepentingan ekonomi. Pembesar Melayu ini dikenali sebagai ‘Orang Besar-besar’ berketurunan Riau yang ditugaskan untuk menjalankan pentadbiran di Lukut. Sultan Muhammad Shah ibni almarhum Sultan Ibrahim Shah (Sultan Selangor yang ketiga) telah menggantikan takhta pemerintahan Kesultanan Selangor selepas kemangkatan ayahandanya. Baginda melantik Raja Jumaat bin Raja Jaafar sebagai Pembesar Melayu di Lukut. Semasa pemerintahannya, Lukut mengalami pembangunan dan pemodenan sehingga setaraf dengan bandar. Setelah kemangkatan Sultan Muhammad Shah pada tahun 1857, atas nasihat Raja Jumaat, Sultan Abdul Samad ibni almarhum Tengku Abdullah (Sultan Selangor keempat) telah dilantik untuk menaiki takhta Kesultanan Selangor bagi menggantikan bapa saudara. Perlantikan ini dibuat kerana Raja Muda Mahmud ibni almarhum Sultan Muhammad Shah masih kecil.

Walaupun bagaimanapun, kegemilangan Lukut ini tidak berpanjangan terutamanya semasa berada di bawah pentadbiran Raja Muhammad Saleh atau nama lebih dikenali sebagai Raja Haji Bot bin Raja Jumaat. Keadaan ini dapat dilihat apabila berlakunya konflik dan persengketaan antara pembesar yang ingin menguasai hasil dan kawasan perlombongan bijih timah. Konflik ini juga timbul rentetan daripada perang saudara yang berlaku di Kelang. Bagi menyelesaikan konflik ini, perjanjian persepadaan Selangor dengan Sungai Ujong termeterai pada tahun 1880 dengan campur tangan British. Implikasinya, Lukut yang sebelum ini merupakan sebuah wilayah bebas akhirnya berpisah dari Kesultanan Selangor dan berada di bawah mukim daerah Port Dickson iaitu di bawah pentadbiran Kesultanan Negeri Sembilan.

Objektif makalah ini adalah untuk membincangkan faktor yang telah mencetuskan konflik dalam kalangan pembesar Melayu dan implikasinya terhadap perkembangan sejarah Lukut dari tahun 1824 sehingga 1880.

## LATAR BELAKANG

Dari segi geografi, Lukut berada dalam kedudukan yang strategik iaitu antara 2°35’ garisan lintang utara dan 101°52’ garisan bujur timur kira-kira dua kilometer dari Selat Melaka (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Selain itu, Lukut mempunyai kawasan yang berlembah, berbukit, dikelilingi paya bakau dan mempunyai sebuah lembangan yang dinamakan sebagai Sungai Lukut Besar. Di samping itu, Lukut mempunyai laluan darat yang menghubungkan Sungai Ujong sebagaimana mengikut lakaran peta pada tahun 1602 oleh Eredia (L.A. Mills 1930). Sementara itu, dari istilah bahasa suku kata pertama Lukut tidak dapat dijelaskan namun, nama asal Lukut adalah “melukut” atau “berlukut” (L.A. Mills 1974). Menurut catatan sumber Cina, Lukut dikenali sebagai ‘Wên Lu Ku’. Pada abad ke-17, ahli sejarah Portugis bernama Godinho de Eredia telah merekodkan nama Lukut sebagai “Lucot”. Namun demikian kebanyakan orientalis Barat mencatatkan nama Lukut sebagai Lucot, Lookoot, Lucoth dan Loekoet.



RAJAH 1. Peta Lukut

Sumber: Rosiswandy Mohd. Salleh 2019

Selain itu, topografi Lukut yang berdekatan dengan Sungai Linggi dan Selat Melaka telah menjadi laluan utama kepada kegiatan

pengangkutan dan perdagangan (L.D. Gammans 1924). Pelabuhan Sungai Lukut dapat menampung kehadiran sejumlah kapal besar yang dimiliki pemodal Negeri-negeri Selat dan juga pedagang Barat. Pelabuhan Sungai Lukut dilengkapi pelbagai kemudahan infrastruktur serta gudang yang besar sehingga memberi keselesaan untuk pedagang singgah berdagang. Keadaan ini menjadikan Lukut dikenali sebagai “*straits produce*”. Lukut turut menjadi tumpuan dan laluan utama pemodal Negeri-negeri Selat, pedagang dan imigran Cina dari Negeri-negeri Selat. Di samping itu pedagang juga boleh berlindung daripada tiupan angin Monsun Timur Laut dan Barat Daya sebelum meneruskan perjalanan bagi menjalankan kegiatan perdagangan.



RAJAH 2. Keadaan bandar Lukut pada abad ke-19  
Sumber: Rosiswandy Mohd. Salleh 2019

Sultan Ibrahim Shah merupakan orang yang bertanggungjawab membuka Lukut untuk kegiatan melombong bijih timah pada awal 1810-an (Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria 2012). Pada awal pembukaan pusat kegiatan bijih timah, ia diusahakan oleh orang Melayu dengan menggunakan kaedah tradisional iaitu dengan cara mendulang mahu pun melampan. Namun demikian, kaedah ini menyebabkan orang Melayu memperoleh hasil bijih timah yang sangat sedikit. Keadaan ini menyebabkan Sultan Ibrahim Shah mengalu-alukan kedatangan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina khususnya dari Melaka untuk menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah di Lukut. Baginda juga melantik seorang pengurus dalam kalangan Kapitan Cina bagi mengawal imigran Cina supaya tidak menimbulkan kekacauan. Perkembangan ini secara tidak langsung telah menggalakkan penghijrahan imigran Cina sehingga ia mengubah mobiliti masyarakat di Lukut.

Pada tahun 1825, Sultan Ibrahim Shah melantik anak saudara baginda iaitu Raja Hassan bin Raja Muda Nala ibni Sultan Salehuddin yang juga dikenali Raja Busu sebagai pembesar Lukut. Lazimnya dalam budaya politik Melayu tradisional, sultan akan melantik kerabat baginda untuk mengurus dan mengekalkan kawasan yang mempunyai potensi dari segi ekonomi. Perkembangan ini telah mendorong Raja Busu untuk membawa pengikutnya ke Lukut bagi mengusahakan kegiatan bijih timah. Kebanyakan pengikut Raja Busu berasal dari Sungai Selangor dan Kedah yang terdiri daripada orang Melayu dan mereka juga mendirikan penempatan di Lukut (L.D. Gammans 1924). Semasa di bawah pemerintahan Raja Busu sebagai pembesar Lukut kehadiran imigran Cina secara tidak langsung telah menjadikan Lukut sebuah pusat perlombongan bijih timah yang terpenting di Selangor.

Namun malangnya pentadbiran Raja Busu tidak bertahan lama di Lukut. Hal ini kerana Raja Busu sekeluarga terbunuh akibat pemberontakan yang dilakukan oleh pelombong Cina dan kongsi gelap ekoran kenaikan sebanyak sepuluh peratus cukai dari semasa ke semasa yang dikenakan oleh beliau. Peristiwa serangan ini mengakibatkan Raja Husin membalas serangan pelombong Cina sehingga mengakibatkan pelombong Cina ini menyusuri hutan untuk melarikan diri ke Melaka. Walau bagaimanapun, kematian Raja Busu menyebabkan Raja Husin dan pengikutnya membalas serangan tersebut sehingga mengakibatkan 1000 orang pelombong Cina terbunuh (Isabella L. Bird 1883). Bukan sahaja lombong-lombong bijih timah tidak diuruskan bahkan berlakunya kekosongan pentadbiran pembesar Melayu di Lukut ketika itu.

Ketika lawatan Sultan Muhammad Shah bersama beberapa orang pengawal dari Kuala Selangor pada Ogos 1836 di Lukut, baginda telah mengisytiharkan Lukut sebahagian daripada kuasa Kesultanan Selangor (Buyong Adil 2019). Ekoran itu, pada tahun 1938, Sultan Muhammad Shah telah ke Riau untuk menjemput Raja Jaafar bin Raja Ali bersama anaknya iaitu Raja Jumaat dan Raja Abdullah mengusahakan lombong bijih timah di Lukut. Secara tidak langsung ekonomi Lukut dapat dipulihkan kembali. Namun, Raja Jaafar tidak dilantik sebagai pembesar Lukut sebaliknya, Raja Jumaat dilantik dan diperkenankan oleh Sultan Muhammad Shah sebagai pembesar

Melayu Lukut pada 4 Ogos 1846 (C.O. 273/98. Memorandum Relative to the Seed of Gift Bestowing the District of Lukut on Raja Jumaat His Heir and Successor, Executed by the late Sultan Mohamed of Selangor, 4 August 1846). Di bawah titah Sultan Muhammad Shah, orang Melayu kembali ke Lukut untuk tinggal dan menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah. Atas kewibawaan Raja Jumaat dalam menguruskan pusat perlombongan bijih timah, Sultan Muhammad Shah telah melantik beliau sebagai wakilnya untuk mentadbir dan mengendalikan lombong bijih timah di Lukut. Raja Jumaat bukan sahaja menjadi pemerintah untuk mentadbir Lukut, malah turut membawa kemajuan dan pemodenan kepada Lukut. Raja Jumaat turut mengahwini anakanda kepada Sultan Muhammad Shah iaitu Tengku Senai binti Sultan Muhammad Shah. Hasil daripada perkahwinan beliau maka lahirlah Raja Bot.

Perkembangan Lukut ini turut mendorong Dato' Kelana Sending iaitu pembesar Sungai Ujong untuk menguasai Lukut. Hal ini kerana Dato' Kelana Sending menjangkakan Lukut dapat menjamin sumber pendapatannya. Oleh itu, menjadi keinginan Dato' Kelana Sending mendapatkan kawalan laluan di kawasan sebelah Sungai Linggi (Khoo Kay Kim 1984). Secara tidak langsung keadaan ini turut menggalakkan penghijrahan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina ke Tanah Melayu dengan lebih giat lagi. Perkembangan ini turut mendorong kedatangan pemodal Negeri-negeri Selat untuk menjadikan Lukut sebagai lokasi pelaburan bagi kegiatan perlombongan bijih timah (Amarjit Kaur 1985). Namun usaha Dato' Kelana Sending menemui kegagalan semasa pemerintahan Raja Jumaat sebagai pembesar Melayu Lukut. Walau bagaimanapun, tuntutan ke atas Lukut ini timbul semula setelah kemangkatan Raja Jumaat iaitu semasa Lukut dibawah pentadbiran anak beliau iaitu Raja Bot. Setelah kematian Dato' Kelana Sending pada tahun 1872, tuntutan ke atas Lukut diteruskan pula oleh Dato' Syed Abdul Rahman.

#### FAKTOR YANG MENCETUSKAN KONFLIK DALAM KALANGAN PEMBESAR MELAYU DI LUKUT

Terdapat beberapa faktor yang menjadi punca tercetusnya konflik dalam kalangan pembesar Melayu di Lukut, antaranya;

#### TUNTUTAN PEMISAHAN LUKUT DARI KESULTANAN SELANGOR

Dato' Kelana Sending telah membuat tuntutan ke atas wilayah di Selangor kepada Sultan Abdul Samad termasuk Lukut pada tahun 1862 (Khoo Kay Kim 1984). Hal ini kerana, Dato' Kelana Sending beranggapan bahawa wilayah Selangor termasuk Lukut merupakan sebahagian daripada wilayah Sungai Ujong dan Sultan Abdul Samad mengambil Lukut daripada wilayah kekuasaan Sungai Ujong secara tidak adil. Dato' Kelana Sending membantah Sultan Abdul Samad kerana Selangor merampas Sungai Linggi dan Tanjung Tuan, menyebabkan wakil Selangor Raja Abdullah dan Dato' Kelana Sending mengadakan perbincangan untuk menyelesaikan isu tersebut. Semasa rundingan, Raja Abdullah tidak mempunyai pilihan selain menyerahkan Lukut secara lisan (Colonial Secretary Office (C.S.O.) Straits Settlement, No. 10/78, 24 June 1878). Walau bagaimanapun, beberapa orang pembesar Melayu Selangor masih memerintah Lukut seperti biasa.

Isu sempadan antara Selangor dan Sungai Ujong timbul semula pada tahun 1866, mengakibatkan Sultan Abdul Samad menyerahkan Sungai Linggi kepada Dato' Kelana Sending. Penyerahan wilayah ini menimbulkan kemarahan dan perbalahan dalam kalangan pembesar Lukut dan Kelang sehingga membawa kepada campur tangan British. Antara pihak yang terlibat untuk menandatangani perjanjian persempadanan Selangor dan Sungai Ujong pada 10 Februari 1878 adalah Residen Selangor Kapten Bloomfield Douglas, Residen Sungai Ujong PJ Murray, Sultan Abdul Samad dan Dato' Kelana Sending. Peristiwa ini berpunca daripada orang-orang Bugis yang berpengaruh dan menetap di Selangor pada awal abad ke-18. Setelah berunding, satu perjanjian telah dicapai untuk menyerahkan Lukut kepada Sungai Ujong sehingga perjanjian itu ditandatangani oleh Raja Bot bin Raja Jumaat di Singapura pada 30 Julai 1880. Pihak yang terlibat adalah Raja Bot pembesar Lukut, Raja Daud bin Raja Sulaiman Ibni Almarhum Sultan Muhammad Shah Penghulu Sungai Raya dan Ulu Langkat, Tunku Klana Petra Sri Jaya, Sultan Abdul Samad dan Dato' Kelana Sungai Ujong. Dengan termeterai perjanjian itu, menandakan pemisahan Lukut daripada kerajaan Kesultanan Selangor secara rasminya (Colonial Secretary Office (C.S.O.) Straits Settlement, No. 10/78, 24 June 1878).

Tindakan penyerahan persempadanan Lukut yang dibuat oleh Sultan Abdul Samad adalah kerana baginda inginkan perdamaian dan bukannya untuk kepentingan peribadi walaupun isu penyerahan Lukut bermula sejak tahun 1861 lagi (SSF 1228/89, *Forwards Journal for March 1889*). Perkara ini dapat dibuktikan melalui tragedi perang saudara di Kelang. Baginda telah menerima kunjungan kedua-dua kalangan pembesar dengan hati yang terbuka dan tidak mengamalkan unsur berat sebelah ketika berunding. Selain itu, baginda bersedia memberikan bantuan daripada kedua-dua pembesar yang bersengketa. Di samping itu, Sultan Abdul Samad juga telah menasihati agar kedua-dua pembesar Melayu yang bertelagah ini untuk berbaik-baik (A. Talib Ahmad 1986). Justeru, sebuah Majlis Diraja ditubuhkan dan dianggotai oleh Raja Bot selaku wakil kerabat diraja Selangor, Raja Yahya dan Tengku Kudin untuk mencari penyelesaian (CO 276/19, *Annual Report on the state of Selangor for the year 1888*).

#### ISU SEMPADAN SELANGOR-SUNGAI UJONG

Isu persempadanan antara Selangor dengan Sungai Ujong timbul semula pada tahun 1866. Perkara ini menyebabkan Sultan Abdul Samad menyerahkan Sungai Linggi kepada Dato' Kelana Sending. Keadaan ini menimbulkan kemarahan dan perbalahan antara pemerintah Lukut dan Kelang sehingga mengundang campur tangan British. Perjanjian persempadanan semula ini dihadiri oleh Residen Selangor yang mentadbir dari 20 November 1875 sehingga 1 Oktober 1882 iaitu Bloomfield Douglas, Residen Sungai Ujong iaitu P.J. Murray, Sultan Abdul Samad dan Dato' Kelana Sending pada 10 Februari 1878 (*Colonial Secretary Office (C.S.O) Straits Settlement, No. 10/78, 24 June 1878*). Rundingan ini diikuti dengan termeterainya surat persetujuan penyerahan Lukut kepada Sungai Ujong. Kemuncaknya, perjanjian persempadanan Selangor dan Sungai Ujong ditandatangani di Singapura pada 30 Julai 1880 telah dihadiri oleh Raja Bot bin Raja Jumaat selaku Pembesar Lukut, Raja Daud bin Raja Sulaiman Ibni Almarhum Sultan Muhammad Shah iaitu Penghulu Sungai Raya dan Ulu Langkat, Tunku Klana Petra Sri Jaya, Sultan Abdul Samad dan Dato' Kelana Petra Syed Abdul Rahman bin Syed Ahmad al-Qadri. Dengan termeterainya perjanjian tersebut menandakan pemisahan Lukut secara rasmi daripada pemerintahan dan pentadbiran Kesultanan Selangor.

#### KEMANGKATAN RAJA JUMAAT

Setelah kemangkatan Raja Jumaat pada 15 Jun 1864, pusaranya disemadikan di pemakaman Diraja Lukut. Pusara beliau berdekatan dengan makam isterinya iaitu almarhum Tengku Senai binti almarhum Sultan Muhammad Shah. Kemangkatan beliau telah memberi impak yang besar terhadap ekonomi, politik dan sosial di Lukut. Hal ini kerana pemodenan dan kemajuan Lukut dikatakan adalah setanding dengan negara Eropah. Tambahan pula, jasa dan sumbangan beliau dengan melantik Sultan Abdul Samad sebagai Sultan Selangor yang keempat pada 1857 juga tidak wajar dinafikan (Mohd Amin Hassan 1972). Ini kerana legasi Kesultanan Selangor pada masa kini adalah hasil daripada kebijaksanaan beliau yang berpandangan jauh demi kepentingan negara, bangsa dan agama. Menurut Khoo Kay Kim, kemangkatan Raja Jumaat turut memberi implikasi terhadap hubungan dalam kalangan kerabat diraja serta para pembesar di Selangor (Khoo Kay Kim 1984). Jika dibandingkan sebelum ini, pembesar Melayu yang bersengketa amat menghormati Raja Jumaat sebagai Raja Tua. Kemangkatannya telah menyebabkan Selangor bakal menjadi huru-hara dan tidak stabil. Kemangkatan Raja Jumaat turut dirasai oleh anak-anaknya iaitu Raja Bot dan Raja Yahya bin Raja Jumaat kerana terpaksa mengambil alih pentadbiran dan pemerintahan yang ditinggalkan oleh ayahandanya (Mohd Amin Hassan 1967). Menurut pandangan Gullick;

*"The death of Jumaat also upset the precarious balance within the ruling class between the "haves" and the "have nots". Selangor was now a powder keg waiting for some maladroit move or personal quarrel to throw a lighted match into it"*

(J.M. Gullick 2004)

Selain itu, kemangkatan Raja Jumaat juga menimbulkan kehampaan kepada pemodal Negeri-negeri Selat khususnya dari Melaka. Ini kerana pemodal Negeri-negeri Selat telah banyak menyumbangkan modal dalam kegiatan perlombongan bijih timah di Lukut. Selaku rakan niaga dan adik kepada arwah Raja Jumaat, Raja Abdullah terpaksa menerima tugas dan pada masa yang sama juga terpaksa menanggung hutang. Namun, Raja Abdullah tidak mampu membayar sejumlah hutang yang agak besar lalu mendorong pemiutang tersebut mendesak campur tangan Sultan Abdul Samad (B/SUK 295/98). Walau

bagaimanapun, Sultan Abdul Samad menyerahkan isu hutang tersebut bergantung kepada kebijaksanaan Raja Abdullah untuk menyelesaikannya. Kemajuan Lukut sebagai sebuah pusat perlombongan bijih timah yang paling banyak mendatangkan hasil bagi Selangor semakin pudar manakala kawasan perlombongan bijih timah di Kuala Lumpur pula kian berkembang.

#### LUKUT DI BAWAH PENTADBIRAN RAJA BOT

Sejak daripada kecil lagi Raja Bot menjadi anak angkat serta menerima asuhan dari Kapten Macpherson, Residen Konsular Inggeris dan tinggal di Melaka. Beliau telah menerima pendidikan awal di English School Melaka selama sebelas bulan (Zulkapli Haji Othman dan Mohd Khalid Yasin 1994). Kemudian, Raja Bot diserahkan pula kepada sahabat karib Raja Jumaat iaitu Baba Chee Yam Chuan. Baba Chee Yam Chuan merupakan seorang pemodal Negeri-negeri Selat dari Melaka. Baba Chee Yam Chuan adalah pelabur modal yang besar bagi kegiatan perlombongan bijih timah di Lukut. Semasa Raja Bot di bawah jagaan Baba Chee Yam Chuan, beliau sering diberi peluang sebagai penulis dan pembaca surat dalam bahasa Melayu (Jawi) yang kerap diutuskan ke Lukut. Malahan, Raja Bot turut didedahkan dengan selok-belok perniagaan dan kewangan pemodal Negeri-negeri Selat dan orang Lukut. Atas nasihat Syed al-Sagoff, Raja Bot telah dibawa kembali ke Lukut. Sekembalinya ke Lukut, Raja Bot diarahkan untuk membeli barangan keperluan harian seperti makanan, pakaian dan candu untuk dijual semula kepada pelombong Cina (Mohamad Amin Hassan 1967).

Di samping itu Raja Bot juga telah menimba ilmu dan pengalaman daripada ayahnya dalam aspek pentadbiran dan pemantauan kegiatan perlombongan bijih timah di Lukut. Selain itu Raja Bot juga sering dibantu oleh abangnya iaitu Raja Yahya bin Raja Jumaat. Meskipun Raja Yahya merupakan putera sulung kepada Raja Jumaat, namun beliau tidak layak mewarisi pentadbiran di Lukut disebabkan beliau bukan anak gahara. Hal ini kerana ibu Raja Yahya iaitu Cik Pati berasal dalam kalangan wanita biasa. Bahkan semasa ketiadaan Raja Bot, Raja Yahya akan bertindak sebagai wakil di Lukut. Raja Yahya telah diberi kepercayaan untuk mengurus hal ehwal Lukut sepanjang ketiadaan Raja Bot (Mohamad Amin Hassan 1967). Di awal pentadbiran

dan pemerintahan Raja Bot, keamanan dan sosioekonomi Lukut sangat kukuh dan stabil. Perkembangan ini dapat dilihat apabila kebanyakan lombong bijih timah di Lukut sangat produktif dalam mengeluarkan hasilnya. Malah, kadar cukai sebanyak sepuluh peratus terhadap hasil bijih timah yang dieksport juga masih dikekalkan. Keadaan ini turut menyebabkan pedagang dari Selangor berminat untuk menjalankan perniagaan di Lukut.



RAJAH 3. Raja Bot diapit adinda-adindanya ketika menjadi Raja Lukut  
Sumber: Rosiswandy Mohd. Salleh 2019

Dato' Kelana Sending telah menemui British pada tahun 1860. Beliau turut mengakui kepada British mengenai kehebatan dan kebolehan Raja Jumaat dalam mengurus tadbir politik dan ekonomi Lukut (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Bukan sahaja itu, Lukut juga tidak pernah diganggu oleh mana-mana kuasa lain. Hal ini dapat dilihat apabila Lukut lebih maju dan moden dalam pelbagai aspek terutamanya dalam kemajuan infrastruktur, politik dan ekonomi berbanding dengan daerah lain. Pada tahun 1868, Raja Bot bersepakat untuk membahagikan harta pusaka peninggalan almarhum ayahandanya bersama kakak serta adik Raja Bot iaitu Raja Wok Safiah binti Raja Jumaat dan Raja Abdul Majid

bin Raja Jumaat. Raja Bot telah menerima bahagiannya iaitu daerah sekitar Lukut sehingga Sungai Sepang Besar yang bersempadankan antara Lukut dengan Kelang. Ini termasuk juga kawasan di sebelah selatan Sungai Lukut Kecil bersempadan dengan Sungai Segenting sehingga ke Sungai Linggi. Sehubungan dengan itu, Raja Bot dan adik beradiknya perlu mentadbir serta mengurus kawasan yang telah ditetapkan. Memandangkan keadaan Lukut yang masih tidak jelas sama ada kekal sebagai sebuah negeri yang berdaulat atau bebas daripada naungan British telah membuatkan Raja Bot mengekalkan hubungan baik dengan British. Oleh itu, Raja Bot telah menyambut baik kedatangan Sir Andrew Clarke ke Lukut bagi meninjau kawasan persekitaran Lukut pada tahun 1874. Pada waktu itu, Sir Andrew Clarke merupakan Gabenor Negeri-negeri Selat dan Setiausaha Tanah Jajahan di London yang memerintah pada tahun 1873 hingga 1875. Hubungan baik ini telah memberi kesan yang baik terhadap kepentingan ekonomi dan politik di Lukut.

Raja Bot merupakan seorang pembesar Melayu yang mengamalkan dasar berkecuali. Beliau tidak menyokong mana-mana pihak yang bertelagah terutamanya membabitkan Kelang dengan Sungai Ujong. Semasa konflik peperangan di Sungai Ujong timbul antara tahun 1874 hingga 1875, Lukut menjadi destinasi pusat persinggahan kapal perang British dari Negeri-negeri Selat. Antara motif kehadiran British bertujuan untuk membantu Dato' Kelana Sending iaitu pembesar yang memerintah luak Sungai Ujong. Dato' Kelana Sending sangat berhasrat untuk menguasai Lukut disebabkan ia kaya dengan bijih timah. Selain itu, faktor geografi Sungai Lukut yang berhampiran Selat Melaka turut menjadi tumpuan pedagang kerana Lukut mempunyai pelabuhan berbanding dengan daerah Sungai Ujong (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Sehubungan dengan itu, British telah menggunakan Lukut sebagai pelabuhan bagi menurunkan angkatan tentera dan kelengkapan perang. Ini kerana laluan utama ke Sungai Ujong hanya boleh dilalui menerusi Sungai Lukut dan Sungai Linggi. Bagaimanapun, Sungai Linggi boleh menampung kehadiran kapal dan bot kecil sahaja di samping tidak selamat dilalui kerana berlaku pertelingkahan antara pembesar Rembau dengan Sungai Ujong. Tambahan pula, laluan darat Lukut juga merupakan laluan alternatif dan mudah dilalui.

#### BEBANAN HUTANG YANG DITANGGUNG OLEH WARIS RAJA JUMAAT

Selepas kemangkatan Raja Jumaat, Raja Bot dan adik-beradiknya menghadapi masalah tuntutan hutang daripada pemodal Negeri-negeri Selat. Sama seperti Kelang yang telah dipajakkan kepada Tan Kim Cheng dan William Henry Macleod Read iaitu Pengerusi Dewan Perniagaan Singapura warga British, Lukut turut didesak untuk mengikat perjanjian konsesi pajakan. Konsesi merupakan hak atau keizinan yang diberikan oleh syarikat bertujuan menggunakan kawasan untuk aktiviti perlombongan. Cadangan konsesi pajakan ini telah dipersetujui oleh Sultan Abdul Samad, Tan Kim Cheng dan William Henry Macleod Read (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Nilai konsesi pajakan di Lukut adalah sebanyak \$60,000 setahun. Walau bagaimanapun, Raja Bot menolak cadangan pajakan terhadap Lukut.

Namun, dalam masa yang sama Raja Bot berada dalam keadaan tekanan dan dilema apabila Raja Abdullah tidak mengunjungi Lukut selama lebih satu tahun (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Raja Bot juga tidak diberitahu mengenai pajakan tersebut. Lanjutan itu, Raja Bot telah mengambil keputusan untuk mengadap Sultan Abdul Samad. Semasa pertemuan dibuat, Raja Bot telah memaklumkan kepada baginda bahawa tawaran konsesi tersebut adalah tidak munasabah. Raja Bot turut menegaskan bahawa hasil pendapatan Lukut adalah kurang dari \$450,000 setahun. Sementara kos perbelanjaan termasuk sara hidup bagi 'Orang Besar-besar' dan kaum keluarganya adalah melebihi \$5,000 sebulan. Di akhir pertemuan itu, Raja Bot memaklumkan Sultan Abdul Samad bahawa beliau menolak tawaran konsesi itu. Begitu juga Sultan Abdul Samad, baginda bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Raja Bot bagi mengasingkan Lukut daripada konsesi pajakan tersebut. Sesudah berpuas hati dengan keputusan baginda, Raja Bot pulang ke Lukut. Walau bagaimanapun, sehingga tahun 1870, tiada sebarang penyelesaian yang muktamad berkenaan dengan tuntutan Sungai Ujong ke atas Lukut (Norhalim Ibrahim 1995).

#### KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN KONFLIK DALAM KALANGAN PEMBESAR MELAYU DI LUKUT

Secara umumnya, kemunculan dan perkembangan konflik dalam kalangan pembesar Melayu di Lukut dapat dilihat seperti;

## TUNTUTAN PERTAMA TERHADAP LUKUT OLEH DATO KELANA SENDING

Semasa pemerintahan Sultan Abdul Samad antara tahun 1859 sehingga 1898, berlaku satu tuntutan terhadap Lukut oleh Dato' Kelana Sending yang memerintah Sungai Ujong pada tahun 1850 sehingga 1872. Tuntutan ini akhirnya membawa kepada usaha penyelesaian terhadap isu sempadan Lukut dan Sungai Ujong. Bagi menangani masalah persempadanan ini, beberapa pendekatan telah diambil dalam usaha menangani keperluan persempadanan. Pada peringkat awal, Sultan Abdul Samad telah berusaha untuk menyelesaikan isu persempadanan ini agar tidak berlarutan. Mesyuarat awal diadakan pada 24 November 1863 antara Raja Abdullah bin Raja Jaafar sebagai wakil kepada Sultan Abdul Samad dengan Dato' Kelana Sending di Kuala Linggi tanpa melibatkan Raja Jumaat. Mesyuarat persempadanan Lukut dan Sungai Ujong ini juga telah disaksikan oleh Kapten Frederick Lyon Playfair iaitu Residen Kaunselor Melaka (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Raja Abdullah hadir ke mesyuarat itu berserta surat penyelesaian berhubung dengan isu persempadanan Lukut dan Sungai Ujong dengan sebilah lembing diraja. Menurut Buyong Adil, surat tersebut telah ditulis oleh Sultan Abdul Samad pada September 1863. Antara kandungan surat perjanjian tersebut adalah Sultan Abdul Samad bersetuju tentang penyerahan tuntutan wilayah yang dibuat oleh Dato' Kelana Sending. Baginda telah menetapkan sempadan bermula di sebelah kanan hala mudik merupakan kawasan Sungai Ujong iaitu melalui Sungai Langat. Sementara, Sungai Langat di bahagian kirinya pula merupakan kawasan Kelang, Selangor. Sementara bagi sempadan darat Sungai Ujong pula, ia bermula dari persisiran pantai Gunung Jugra di Sungai Langat hingga ke Kuala Linggi (Khoo Kay Kim 1984). Selepas pertemuan persempadanan Lukut dan Sungai Ujong dijalankan, Raja Abdullah bin Raja Jaafar telah menemui dan memaklumkan kepada abangnya Raja Jumaat.

Raja Jumaat bin Raja Jaafar selaku pembesar Lukut yang memerintah dan mentadbir Lukut pada ketika itu membantah berkenaan isu persempadanan Lukut dan Sungai Ujong (B/SUK 295/98). Hal ini disebabkan Raja Jumaat langsung tidak dijemput untuk hadir ke mesyuarat penetapan sempadan Lukut dan Sungai Ujong tersebut (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Keadaan ini membuatkan Raja Jumaat menulis sendiri surat

kepada Gabenor Kolonial Pertama Negeri-negeri Selat di Singapura iaitu William Orfeur Cavenagh untuk memaklumkan mengenai isu persempadanan Lukut dan Sungai Ujong. Pada masa itu William Orfeur Cavenagh merupakan Gabenor Negeri-negeri Selat selama lapan tahun antara tahun 1859 sehingga 1867 (J.M. Gullick 2002). Dalam surat tersebut, Raja Jumaat memohon untuk menghadap bagi mengadakan rundingan dengan Sultan Abdul Samad untuk menetapkan garis sempadan dan membantah surat penyerahan wilayah Lukut dan Sungai Ujong (C.O. 273/98). Raja Jumaat juga menegaskan bahawa Lukut adalah anugerah yang diberikan sepenuhnya oleh almarhum Sultan Muhammad Shah kepadanya (J.M. Gullick 2004). Penyerahan wilayah Lukut kepada Raja Jumaat adalah melibatkan Lukut sehingga Kuala Linggi dan dari Kuala Linggi iaitu di sebelah tebing kiri Sungai Linggi hingga ke Sungai Udang. Sementara sempadan daratan merangkumi Bukit Juling-juling (Khoo Kay Kim 1984). Kandungan surat mengandungi cap mohor Sultan Muhammad Shah mencatatkan;

“Pada tahun seribu dua ratus enam puluh dua pada 10 hari bulan Syaaban (4 Ogos 1846) suatu surat rasmi telah dimaktubkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di Pertuan Selangor di Negeri Melaka menganugerahkan negeri Lukut kepada Raja Jumaat bin Raja Jaafar dari Riau, serta waris-warisnya sejauh Qualla Lingglie. Para pengganti Beta dan waris-warisnya tidak akan menuntut hak ke atas negeri Lukut kerana anugerah ini “adalah sah dan beta telah letakkan cap mohornya di kertas ini”

(Zulkapli Haji Othman dan Mohd Khalid Yasin 1994)

Namun, Sultan Abdul Samad menyangkal mengenai surat yang berkaitan dengan hal ehwal persempadanan Lukut. Keadaan ini dilihat apabila Sultan Abdul Samad ingin menyerahkan bahagian wilayah kekuasaan pentadbiran milik Raja Jumaat kepada Dato' Kelana Sending. Walau bagaimanapun, selepas mesyuarat pada tahun 1863 dijalankan, tiada sebarang tindakan lanjut mengenai isu persempadanan ini. Apabila bantahan dibuat oleh Raja Jumaat, proses persempadanan Lukut dengan Sungai Ujong masih belum berjaya diselesaikan.

Dato' Kelana Sending membuat tuntutan ke atas Lukut kerana merasa tidak puas hati dengan kuasa pentadbiran Raja Jumaat dan Raja Abdullah yang telah mengawal sebelah kiri Sungai Linggi. Di samping itu, Raja Jumaat dan Raja Abdullah pula mendapat sebahagian daripada hasil cukai yang diperolehi daripada lalu lintas di Sungai Linggi. Hal ini kerana Sungai Linggi merupakan



tumpuan laluan perdagangan bagi pemodal Negeri-negeri Selat mahu pun pedagang Eropah. Meskipun pada mulanya hubungan antara Raja Jumaat dengan Dato' Kelana Sending baik, namun tuntutan yang dilakukan oleh Dato' Kelana Sending terhadap Lukut telah merenggangkan hubungan antara mereka. Bukan sahaja itu, hubungan antara Raja Jumaat dan Raja Abdullah dengan Sultan Abdul Samad juga kurang baik apabila tiada persepakatan dalam penentuan sempadan antara Lukut dan Sungai Ujong.

#### TUNTUTAN KEDUA TERHADAP LUKUT OLEH DATO' KELANA SENDING

Selepas kemangkatan Raja Jumaat, tuntutan kedua terhadap Lukut dibuat semula oleh Dato' Kelana Sending kepada Sultan Abdul Samad selaku pemerintah Kesultanan Selangor kerana tuntutan yang dibuat sebelum ini tidak diendahkan. Oleh itu, Sultan Abdul Samad merujuk kembali sepucuk surat yang diutuskan dalam mesyuarat yang dijalankan pada 24 November 1863. Ia berkaitan dengan sepucuk surat 14 Mei 1866, dari Kapten James Burn iaitu Residen Konsular British di Melaka mengatakan Sultan Abdul Samad telah mengesah dan memperkenankan isu persepakatan Lukut dengan Sungai Ujong selesai pada tahun 1865 (Khoo Kay Kim 1984). Sementara itu, Kapten James Burn juga mengadakan perjumpaan dengan Raja Abdullah di Lukut. Beliau juga memaklumkan bahawa tuntutan yang dibuat oleh Dato' Kelana Sending adalah tidak munasabah (Norhalim Ibrahim 1995). Perkara ini menyebabkan Sultan Abdul Samad mengutus sepucuk surat mengenai persetujuan penyerahan Lukut dengan pengesahan cap mohor kepada Dato' Kelana Sending pada 11 Julai 1868. Antara perincian kandungan surat tersebut;

".... semua yang di sebelah tebing mudik Sungai Linggi sampai ke Sungai Udang, kami 'Orang Besar-Besar' bersetuju ia adalah daerah kepunyaan Dato' Kelana Sending dan sesiapa pun tidak boleh mengambilnya sehingga sampai kepada keturunan-keturunan kita dan Dato' Kelana Sending, dan ini tidak boleh diubah selagi ada peredaran matahari dan bulan....".

(Buyong Adil 1971)

Oleh itu, dapat dilihat bahawa pendirian dan keputusan Sultan Abdul Samad dengan pendirian pembesar Lukut dan Kelang adalah tidak selari. Walaupun, surat ini ada dirujuk tetapi ia masih tidak mampu menyelesaikan isu persepakatan Lukut dengan Sungai Ujong. Isu ini menjadi

semakin rumit apabila Tunku Dhiauddin ibni Sultan Zainal Rashid (Tunku Kudin) menjadi wakil Yamtuan Selangor sering bertanya kepada Dato' Sedia Raja Akhir iaitu Dato' Undang Rembau berhubung dengan kedudukan persepakatan menghala Sungai Linggi. Dato' Sedia Raja Akhir mengatakan bahawa;

"... tempat yang bernama Simpang itu kepunyaan kita di Rembau dan sebelah kiri menghilir ialah negeri sahabat kita (British) dan di sebelah kanan menghilir Sungai Linggi ialah Kerajaan Selangor sejak zaman dahulu lagi."

(Buyong Adil 1971)

Ini menunjukkan terdapat pandangan yang berbeza antara Sultan Abdul Samad dengan Dato' Sedia Raja Akhir. Sehingga tahun 1868, isu persepakatan Lukut dengan Sungai Ujong masih belum berjaya diselesaikan.

#### PERANG SAUDARA DI LUKUT

Perang saudara telah tercetus sekitar tahun 1867 semasa pentadbiran dan pemerintahan Raja Bot di Lukut. Sebelum ini, pemerintahan ayahandanya lebih dikenali sebagai era pemodenan bagi Lukut. Perang ini dikenali sebagai perang saudara kerana melibatkan Raja Bot dengan sepupunya, Raja Sulaiman. Raja Sulaiman ialah pembesar Sungai Raya yang memerintah pada sekitar tahun 1862 hingga 1870 setelah kemangkatan ayahandanya Raja Husin bin Raja Jaafar. Sungai Raya merupakan sebuah daerah kecil terletak di bahagian selatan Lukut. Perang Saudara Lukut ini tercetus rentetan daripada peristiwa Perang Kelang yang berlaku antara ayah saudara Raja Bot iaitu Raja Abdullah dengan Raja Mahadi. Perang ini berpunca akibat perebutan kawasan perlombongan bijih timah. Perang Lukut dimulakan oleh Raja Sulaiman. Walhal semasa pemerintahan ayahandanya Raja Jumaat, hubungan antara Lukut dan Sungai Raya sangat baik.

Setelah Raja Bot mengambil alih pentadbiran Lukut, beliau telah mengisytiharkan bahawa Sungai Raya adalah sebahagian dari wilayah Lukut. Keadaan ini menyebabkan Raja Bot mendesak Raja Sulaiman supaya membayar cukai dan akur dengan arahan beliau. Tindakan Raja Bot ini telah mencetuskan kemarahan Raja Sulaiman sehingga menyebabkan Raja Sulaiman mula mengingkari keputusan Raja Bot. Malah, Raja Sulaiman enggan akur kepada arahan yang diberikan oleh Raja Bot. Raja Sulaiman berusaha mempertahankan hak dan kuasa untuk mentadbir

Sungai Raya secara bebas (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Raja Bot beranggapan bahawa Raja Sulaiman menderhaka kepadanya dan beliau amat marah dengan tindakan Raja Sulaiman (Buyong Adil 1971). Pada tahun 1867, Raja Sulaiman bersama angkatan perangnya dengan dilengkapi beberapa laras meriam bersama pengikutnya yang terdiri daripada kalangan orang Melayu telah bersiap siaga untuk menyerang Lukut.

Bagaimanapun, Raja Bot dapat menghidu rancangan Raja Sulaiman untuk menyerang Lukut. Oleh itu, Raja Bot telah menambah bilangan askar Arab seramai 30 orang. Di samping itu, beliau juga mengukuhkan kubunya di atas Bukit Gajah Mati. Setelah Raja Bot mengetahui berita serangan Raja Sulaiman bakal tercetus, Raja Bot telah memerintahkan agar semua pengikut dan rakyatnya terutama golongan wanita dan kanak-kanak di sekitar Lukut untuk berlindung di Kota Lukut. Sebaik sahaja angkatan perang Raja Sulaiman tiba di Lukut, angkatan tersebut terus mara ke sebuah tempat yang bernama Kampung Cina. Keadaan ini menyebabkan Raja Bot mengarahkan askar Arabnya maju ke kawasan yang sama. Ekoran itu berlakulah pertempuran antara kedua-dua belah pihak. Semasa pertarungan sedang berlaku, salah seorang daripada askar Arab dalam pasukan Raja Bot telah ditikam bertalu-talu di dada oleh pengikut Raja Sulaiman dengan menggunakan pisau (L.D. Gammans 1924). Peristiwa tersebut menyebabkan semua askar Arab ketakutan dan melarikan diri daripada medan peperangan. Hanya barisan askar Melayu yang tinggal untuk menangkis serangan tersebut.

Selain itu, pasukan Raja Bot juga mempunyai kelebihan berbanding daripada pasukan Raja Sulaiman. Hal ini kerana Raja Bot memiliki bilangan askar yang ramai dan mempunyai sebuah kota yang kuat serta kedudukan Lukut berada lebih tinggi iaitu di atas Bukit Gajah Mati. Keadaan ini menyebabkan Raja Bot dan pasukannya dapat meninjau setiap pergerakan pasukan Raja Sulaiman yang berada di kaki bukit tersebut. Kedua-dua pihak saling berbalas-balas tembakan menggunakan senjata meriam dan senapang, namun akhirnya peperangan tersebut telah dimenangi oleh angkatan Raja Bot. Ini kerana angkatan perang Raja Bot berjaya menewaskan pasukan Raja Sulaiman yang semakin tidak berdaya untuk menembusi kekukuhan kota Lukut. Tambahan pula, kekalahan dalam perang tersebut telah mengakibatkan ramai yang terkorban khususnya daripada pihak Raja Sulaiman. Peristiwa

ini telah menyebabkan Raja Sulaiman terpaksa meninggalkan enam orang askar Melayu yang terkorban sementara sebilangan besar askarnya mengalami kecederaan. Akhirnya, Raja Sulaiman telah membuat keputusan untuk berundur dan kembali ke Sungai Raya. Selepas peristiwa Perang Lukut, Raja Sulaiman mengambil keputusan untuk tidak menyokong Raja Mahadi. Tetapi Raja Sulaiman telah memihak untuk menyokong Raja Ismail iaitu sepupunya.

Setelah kemangkatan Raja Sulaiman pada tahun 1870, pemerintahan dan pentadbiran Sungai Raya diterajui adiknya iaitu Raja Daud bin Raja Husin. Dasar pemerintahan Raja Daud berbeza dengan pentadbiran Raja Sulaiman. Ini dapat dilihat apabila Raja Daud tidak berminat untuk meneruskan konflik ke atas kekuasaan Raja Bot di Lukut (Buyong Adil 1971). Raja Bot kemudiannya mengahwini Raja Zainab iaitu puteri kepada Raja Sulaiman. Di samping itu Raja Bot juga menjalinkan hubungan yang baik dengan Raja Daud. Mereka menghadapi segala cabaran berkaitan isu tuntutan persempadanan Lukut dengan Sungai Ujong sehingga berakhirnya tuntutan ke atas Lukut yang dibuat oleh Dato' Kelana Sungai Ujong. Keadaan ini telah menyebabkan berlaku pemisahan Lukut dari wilayah Kesultanan Selangor pada tahun 1880.

#### KONFLIK MELIBATKAN PEMBESAR MELAYU LUKUT DAN REMBAU

Pada tahun 1862, Penghulu Rembau iaitu Dato' Sedia Raja Akhir yang memerintah antara tahun 1838 hingga 1871 telah mengutus sepucuk surat kepada Kapten James Burn iaitu Residen Konsular British di Melaka. Antara kandungan isi surat tersebut adalah berkaitan konflik yang tercetus antara Lukut dengan Rembau. Ia berpunca daripada hukuman bunuh yang dikenakan oleh Raja Jumaat terhadap seorang rakyat Rembau yang bernama Mat Ali. Keadaan ini menyebabkan Dato' Sedia Raja Akhir meminta bantuan dari British bagi menyelesaikan masalah ini. Sementara itu, Kolonel Marpherson telah menjelaskan bahawa tuntutan yang dibuat oleh Dato' Sedia Raja Akhir adalah tidak munasabah. Bahkan, beliau mahu penyelesaian ini dibuat dengan mengikut lunas undang-undang. Sehubungan dengan itu, beliau berpendapat tiada sesiapa boleh menghina kedudukan Raja Jumaat sebagai pembesar Lukut dan mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang Lukut.

Pada 4 Ogos 1862, Timbalan Setiausaha Negeri-Negeri Selat iaitu Leftenan M. Prothroer telah menulis surat kepada Kapten James Burn untuk menyampaikan sumbangan yang berbentuk wang daripada Gabenor Negeri-Negeri Selat semasa lawatannya ke Lukut. Susulan itu, Kapten James Burn telah bertemu dengan Raja Jumaat di Lukut terlebih dahulu bertujuan untuk mendapatkan penjelasan sebenar mengenai hukuman bunuh ke atas rakyat Rembau yang bernama Mat Ali. Pertemuan ini dibuat supaya mengelakkan masalah berbangkit timbul. Sementelahan pula, pertelingkahan yang berlaku antara Raja Jumaat dan Dato' Sedia Raja Akhir masih belum diselesaikan. Pada masa yang sama, British juga mengarahkan Kapten James Burn mengaturkan perjumpaan di Linggi. Pada tahun 1862, Kapten James Burn telah menjemput Dato' Kelana Sending, Dato' Sedia Raja Akhir, Dato' Penghulu Johor untuk ke Melaka bagi memulihkan hubungan sesama mereka di samping menjalinkan hubungan baik dengan British. Semua pembesar Melayu hadir kecuali Dato' Sedia Raja Akhir. Sebelum pulang ke Sungai Ujong, Datuk Kelana Sending sempat menulis surat kepada British dan menyatakan tuntutan terhadap beberapa kawasan Sungai Ujong yang dikuasai tanpa pengetahuannya. Kawasan yang didakwa diduduki oleh Selangor termasuk Tanjung Tuan (Tanjung Rachado), di mana British telah membina rumah api. Antara kandungan surat tersebut;

“...ada pun tempat yang bernama Lukut itu ialah sebahagian daripada daerah Sungai Ujong yang telah diambil oleh Raja Selangor (Sultan Abdul Samad) dengan cara tidak adil, termasuk Tanjung Tuan yang telah dibangunkan rumah api oleh kerajaan Inggeris itu...”

(Buyong Adil 1971)

Dato' Sedia Raja Akhir sekali lagi menghantar surat aduan kepada Residen Konsular di Melaka berhubung konflik yang berlaku antara Rembau dan Lukut yang masih belum selesai. Aduan Dato' Sedia Raja Akhir turut dirujuk kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat di Singapura melalui Timbalan Setiausaha Negeri-negeri Selat iaitu M. Protheroe pada 19 November 1862. M. Protheroe berkata tidak ada yang salah dengan tindakan Kapten Frederick Lyon Playfair kerana beliau telah menerima aduan daripada Dato' Sedia Raja Akhir. Tambahan pula, menurut M. Protheroe, Dato' Sedia Raja Akhir selaku pempetisyen isu Lukut

bukanlah subjek British dan tidak pernah memegang dokumen kewarganegaraan British di bawah Akta XXX 1852. Oleh itu, M. Protheroe percaya bahawa petisyen itu hanyalah dakwaan tanpa sebarang bukti kukuh. Di samping itu, British mengesahkan Raja Jumaat adalah di pihak yang benar berdasarkan bukti yang dikemukakan oleh Raja Jumaat berhubung rekod hutang Dato' Sedia Raja Akhir terhadap beberapa pemilik kedai di Lukut (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). M. Protheroe menegaskan bahawa Dato' Sedia Raja Akhir tidak menafikan dakwaan Raja Jumaat mengenai hutang tersebut. M. Protheroe turut bersetuju dengan Raja Jumaat bahawa Dato' Sedia Raja Akhir berhasrat untuk memfailkan petisyen bagi berselindung di sebalik hutangnya. Sehubungan dengan itu, M. Protheroe telah menegaskan bahawa Kapten Frederick Lyon Playfair tidak menyemak secara teliti ke atas setiap dokumen yang dihantar oleh Raja Jumaat.

Semasa di Singapura, Raja Bot telah menerima berita mengenai campur tangan polis Sungai Ujong yang diketuai oleh Sarjan Mejar bersama 12 orang Konstabel Polis di Lukut. Ekoran kejadian ini menyebabkan Raja Bot segera memaklumkan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Pencerobohan itu menyebabkan pengikut Raja Bot dan Raja Yahya menentang tindakan yang dijalankan oleh Kapten Murray. Sementara itu, Kapten Murray memberi maklum balas secara angkuh dengan menyatakan bahawa tiada sebarang kesalahan daripada pihaknya. Beliau hanya mahu menguatkuasakan undang-undang bagi membasmi penuluran senjata haram. Tambah beliau lagi, terdapat tindak balas keterlaluan yang telah dilakukan oleh penduduk Lukut. Oleh itu, tindak balas yang beliau jalankan demi memelihara kestabilan dan keamanan di Lukut. Sehubungan dengan itu, Raja Bot telah menulis sepucuk surat bertarikh 25 Julai 1878 untuk diserahkan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat berkaitan dengan kejadian pencerobohan terhadap Lukut. Surat Raja Bot juga dimuat naik dalam akbar *The Straits Times* bertarikh 3 Ogos 1878. Pencerobohan polis Sungai Ujong telah menyebabkan penduduk Lukut sentiasa hidup dalam keadaan ketakutan dan tidak aman. Dalam laporan akhbar tersebut Raja Bot turut menyatakan bahawa tiada siapa kecuali mereka yang dari Selangor mempunyai autoriti ke atas Lukut (*The Straits Times*, Vol XXXIV, No. 2918).

## KEKACAUAN DI LUKUT PADA TAHUN 1872

Pada tahun 1872, Raja Mahadi bin Raja Sulaiman telah membeli sebuah kapal yang bernama S.S. Argyle. Pada bulan Julai 1872, Raja Mahadi dan pengikutnya telah meninggalkan Johor untuk ke Negeri Sembilan. Mereka telah melalui Sungai Linggi untuk mengadakan pertemuan dengan Raja Laut ibni almarhum Sultan Muhammad Shah, Raja Mahmud bin Raja Berkat serta penyokongnya. Mereka sampai ke Lukut untuk menimbulkan kekacauan sebelum bertolak ke Sungai Ujong. Peristiwa tersebut dicatatkan dalam laporan yang ditulis oleh Frank Swettenham semasa melawat Lukut. Menurut laporan Frank Swettenham, Raja Bot telah mengadu mengenai Raja Laut dan Raja Mahmud yang membuat huru hara di jalan raya, bandar termasuk membakar kedai milik imigran Cina (Mohamad Amin Hassan 1967). Dalam tulisannya, Sir Andrew Clarke turut menggambarkan Raja Mahmud sebagai seorang yang digeruni oleh orang ramai.

Selain itu, kedatangan Raja Laut di Lukut bertujuan untuk menakluk dan menjajah Lukut. Bukan sahaja itu, Raja Laut ingin membalas dendam terhadap kejadian yang berlaku pada sebelum ini. Raja Mahmud dan Raja Laut telah bertindak menyerang dan membuat kacau bilau di Lukut. Raja Mahmud turut bertindak membakar kedai milik imigran Cina. Keadaan ini mengakibatkan imigran Cina hidup dalam ketakutan dan akhirnya lari meninggalkan Lukut. Sejak peristiwa itu, imigran Cina semakin berkurangan di Lukut. Jumlah pelombong Cina di Lukut pada ketika itu hanya lebih kurang 300 orang sahaja (Buyong Adil 1971).

## IMPLIKASI KONFLIK DALAM KALANGAN PEMBESAR MELAYU DI LUKUT

Terdapat beberapa implikasi ekoran konflik dalam kalangan pembesar Melayu terhadap perkembangan sejarah di Lukut, antaranya;

### CAMPUR TANGAN BRITISH DALAM ISU SEMPADAN DI LUKUT

British telah mula campur tangan tentang isu persempadanan Lukut dengan Sungai Ujong dari tahun 1862 sehinggalah isu ini diselesaikan (Khazin Mohd Tamrin 1977). Residen British mencampuri masalah persempadanan Lukut ini kerana sekiranya Lukut menjadi sebuah wilayah yang bebas, Lukut bebas daripada pengawasan

British. Ini kerana British merasakan Lukut akan memberi ancaman besar kepada British di Sungai Ujong dan Selangor. Tambahan pula, British berhasrat untuk menghindari sentimen anti-British dalam kalangan penduduk tempatan. Sementara itu, Residen British di Selangor tidak menyedari tentang kemerosotan ekonomi di Lukut kerana kehabisan sumber bijih timah. Hal ini kerana bijih timah bukanlah sumber yang boleh diperbaharui. Walhal, dasar Sungai Lukut telah dicemari dengan pemendapan kelodak yang memberikan implikasi kepada sistem jaringan perhubungan air untuk ke kawasan pedalaman (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019).

Melalui kawalan dari Negeri-negeri Selat, pentadbiran British di Negeri-negeri Melayu termasuk Lukut dapat dikawal. Sir Thomas Braddell, Setiausaha Tanah Jajahan di Singapura telah mengeluarkan surat perisytiharan pada 25 Januari 1875. Surat perisytiharan tersebut dikenali sebagai Pemaszyuran Selangor (CO 276/19, Annual Report on the state of Selangor for the year 1888). Dalam surat tersebut telah memaklumkan bahawa Sultan Abdul Samad merupakan pemerintah Selangor termasuk Lukut. Sultan Abdul Samad juga berhasrat untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang baik. Baginda telah meminta pihak British agar meletakkan seorang pegawai British bagi membantu baginda memerintah Selangor. Oleh itu, peranan dan kuasa 'Orang Besar-besar' tidak lagi berperanan dalam kerajaan Selangor sebaliknya dilantik menjadi Penghulu (Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria 2012).

### CAMPUR TANGAN INGGERIS DALAM PENTADBIRAN DI LUKUT

Pada Disember 1875, kapal H.M.S. Thistle iaitu kapal perang milik kerajaan Negeri-negeri Selat telah belayar dan singgah berlabuh di Sungai Lukut. Kapal ini sedang dalam perjalanan untuk membantu Dato' Kelana Sungai Ujong (Buyong Adil, Edisi Semakan 2019). Pada ketika itu, Raja Bot telah mengetahui mengenai persengketaan untuk merebutkan kawasan perlombongan bijih timah antara Dato' Bandar dengan Dato' Kelana Sungai Ujong. Sepanjang berlakunya persengketaan itu, kedua-dua pembesar ini telah dibantu oleh British. Dalam pertemuan tersebut, Major General Anson telah bertanya dengan Raja Bot mengenai pendirian beliau sama ada untuk membantu British atau sebaliknya.

Meskipun, Raja Bot tidak mahu menyebelahi mana-mana pihak, Raja Bot tidak menghalang pihak British dan memberikan kebebasan kepada British untuk menggunakan Lukut sebagai laluan ke Sungai Ujong (Buyong Adil, Edisi Semakan 2019). Ini kerana kedudukan pelabuhan Sungai Lukut berhampiran dengan kediaman Raja Bot di Bukit Gajah Mati. Kedatangan Major General Anson di Lukut telah disambut dengan begitu meriah. Raja Bot mengarahkan angkatan tenteranya yang terdiri daripada orang Bugis untuk menyambut kehadiran British dengan acara menembak meriam sebagai simbolik tabik hormat ketibaan Pegawai Tinggi British. Bahkan, pihak British turut menawarkan ganjaran berbentuk upah sebanyak \$2.00 Dollar Sepanyol kepada penduduk Lukut yang sanggup bekerja untuk mengangkut barang ke Sungai Ujong. Raja Bot juga telah menyediakan penginapan yang selesa kepada tentera British yang bermalam di Lukut (L.D. Gammans 1924).

Pada 17 Februari 1876, Gabenor Negeri-negeri Selat iaitu Sir William Francis Drummond Jervois telah menghantar sepucuk surat kepada Raja Bot supaya melaksanakan projek pembinaan jalan raya dari Lukut ke Bemban. Pembinaan jalan raya bertujuan untuk memberikan kemudahan serta kegunaan orang awam. Sementara, pada 14 April 1876, Kapten P.J. Murray selaku Penolong Residen telah menghantar surat kepada Raja Bot supaya menyiapkan jalan raya yang menghubungkan Lukut dengan Bemban. Tujuan British menghantar surat itu untuk mendesak Raja Bot membina jalan raya. Keadaan ini akan memudahkan pergerakan tentera British dari arah darat. Laluan darat merupakan laluan paling dekat untuk ke Sungai Ujong melalui Pelabuhan Lukut.

Pada 25 Mac 1876, kerajaan British telah menempatkan seorang Pemungut Cukai Hasil Daerah (Buyong Adil 1971). Hal ini kerana jawatan pembesar di Selangor iaitu 'Orang Besar-besar' digantikan dengan jawatan baru yang dikenali sebagai 'Pengkulu'. Keadaan ini mengakibatkan Raja Bot menghadapi masalah kekurangan hasil pendapatan demi menyara diri, keluarga, pengikut dan pengurusan pentadbiran daerahnya. Selaras dengan itu, Raja Bot tidak lagi berkuasa untuk mengutip cukai daripada kegiatan perlombongan bijih timah serta perdagangan import dan eksport di Lukut. Lanjutan daripada itu, pada tahun 1877, Raja Bot turut memaklumkan kepada kerajaan Selangor bahawa

beliau menghadapi masalah kewangan. Ini adalah ekoran penutupan beberapa buah kedai di Lukut akibat tiada aktiviti perniagaan yang dijalankan kerana kebanyakan imigran Cina meninggalkan Lukut (Buyong Adil 1971).

Sepanjang pemergian Raja Bot ke Singapura, pemerintahan dan pentadbiran Lukut telah diserahkan kepada Raja Yahya sebagai wakil Lukut. Pada 13 Julai 1878, Kapten P.J. Murray telah mengutuskan sepucuk surat kepada Raja Yahya supaya memberitahu Raja Bot agar kembali segera ke Lukut. Kapten Murray turut mendesak supaya Raja Bot berjumpa dengan British di Sungai Ujong kerana terdapat laporan yang telah dibuat daripada seorang imigran Cina bahawa dia telah dirompak oleh tiga orang Melayu Lukut. Kapten Murray juga meminta bantuan dari Raja Yahya untuk menangkap dalang yang melakukan rompakan tersebut. Tambahan pula, pihak Sungai Ujong mendakwa bahawa kejadian rompakan selalu berlaku di Lukut. Oleh kerana itu, British telah bercadang untuk menghantar sepasukan polis yang diketuai oleh seorang Koperal demi menjaga keamanan dan keselamatan di Lukut. Kapten Murray meminta Raja Yahya menyediakan penginapan kepada pasukan polis tersebut.

#### KEKUASAAN RAJA BOT DI LUKUT BERAKHIR

Raja Bot telah dijemput ke Government House, Singapura oleh pihak British untuk mengadakan pertemuan dengan Sir William Cleaver Francis Robinson. Pertemuan ini bertujuan memaklumkan kepada Raja Bot berkenaan dengan keputusan persempadanan Lukut dengan Sungai Ujong. Malah, pihak British juga berjanji akan memberikan hak dan keadilan sebaik mungkin kepada Raja Bot sekeluarga. Sementara, Raja Bot beranggapan pertemuan tersebut adalah supaya hak penguasaan beliau ke atas Lukut dapat dikembalikan. Walau bagaimanapun, ternyata pertemuan tersebut adalah membincangkan mengenai wang pencen sebanyak \$100, pampasan dan sagu hati bagi rumah dan harta benda sebanyak \$3,000 sebagai ganti rugi terhadap kehilangan kekuasaan beliau ke atas Lukut yang telah diwarisi sejak zaman ayahandanya Raja Jumaat. Manakala, abangnya Raja Yahya dan adiknya Raja Abdul Majid menerima wang pencen sebanyak \$50 sebulan (*The Straits Times*, Vol XXXIV, No. 2918).

Raja Bot menolak semua tawaran yang telah diberikan oleh Gabenor Negeri-negeri Selat. Hal

ini kerana Raja Bot tidak bersetuju dengan pelucutan terhadap kedaulatan pentadbiran di Lukut. Situasi ini telah menjadikan Sir William Cleaver Francis Robinson berang kerana Raja Bot tidak menghormati keputusan yang telah dibuat oleh Pegawai-pegawai British dan Sultan Abdul Samad (J.M. Gullick 2004). Oleh itu, British telah menggariskan jalan penyelesaian bagi menjaga kepentingan mereka di Tanah Melayu. William Cleaver Francis Robinson turut menulis laporan dalam sebuah akbar Inggeris iaitu *The Straits Times* pada 3 Ogos 1878. Antara perincian yang ditulis beliau adalah Raja Bot menderhaka kepada Sultan dan tidak menghormati Gabenor. Raja Bot tidak insaf, dituduh sebagai seorang yang tidak sedar diri dan tidak menghormati undang-undang (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019).

Dalam pada itu pihak British juga berasa simpati dengan Raja Bot dan berusaha memujuk beliau untuk menerima keputusan persempadanan penyerahan Lukut kepada Sungai Ujong. Seterusnya, pihak British mengesyorkan supaya Raja Bot mendapatkan khidmat perundangan dengan mendapatkan peguam bela bagi mendapat keadilan yang sewajarnya. Raja Bot telah mendapatkan khidmat peguam yang bernama John Burkinshaw di Singapura (C.O. 273/95/1440). John Burkinshaw mempunyai firma guaman Tetuan Donald & Burkinshaw yang beroperasi di Singapura sejak tahun 1874. Raja Bot turut merangka garis panduan mengenai tuntutan seperti pampasan, ganti rugi dan sugu hati. Bahkan, Raja Bot secara tidak jemu menuntut pembelaannya terhadap Sultan Abdul Samad, William Cleaver Francis Robinson, Cecil Clementi Smith dan Kapten Bloomfield Douglas (Buyong Adil 1971). Proses perundangan tersebut memakan masa selama dua tahun. Selanjutnya, Raja Bot telah mengadap Sultan Abdul Samad bagi mendapatkan kepastian jawapan bagaimana penyerahan Lukut berlaku. Walhal, Raja Bot selaku pembesar di Lukut tidak dilibatkan semasa perjanjian persempadanan Lukut dengan Sungai Ujong dimeterai.

Tambah Raja Bot, Sultan Abdul Samad sepatutnya melibatkan beliau kerana Lukut adalah wilayah pentadbirannya. Selanjutnya, Raja Bot menegaskan bahawa Lukut adalah anugerah kurniaan yang diberikan kepada almarhum ayahandanya. Walau bagaimanapun, Sultan Abdul Samad telah bertitah bahawa pentadbiran yang diberikan oleh Almarhum Sultan Muhammad Shah hanya sah semasa hayatnya sahaja. Ia akan terbatal

apabila Sultan Muhammad Shah mangkat. Namun, pandangan Sultan Abdul Samad tidak dipersetujui oleh H.M. Beach. Ini kerana kurniaan Lukut kepada generasi Raja Jumaat tidak boleh terbatal dengan mudah. Hal ini kerana geran kuasa yang ditulis telah disahkan dengan cap mohor sultan (J.M. Gullick 2003). Jika diteliti rekod minit mesyuarat yang bertarikh 16 Oktober 1878, Gabenor Negeri-negeri Selat telah berpendapat bahawa geran kuasa tersebut telah dibatalkan oleh Sultan Abdul Samad.

Namun, Raja Bot akur dengan perjanjian persempadanan Selangor dengan Sungai Ujong 1878 sehingga membawa kepada penyerahan Lukut kepada Sungai Ujong. Raja Bot dan keluarganya masih lagi menetap di Lukut walaupun perjanjian persempadanan ini telah dimeterai. Bagi mengelakkan Raja Bot membuat tuntutan terhadap penyerahan Lukut kepada Sungai Ujong, Residen-residen British turut diarahkan untuk berbincang dengan Sultan Abdul Samad, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman. Sementara itu, Raja Bot melalui peguam belanya iaitu John Burkinshaw telah menyenaraikan beberapa tuntutan seperti pampasan, sugu hati dan ganti rugi. Malah, tuntutan tersebut juga turut dikemukakan kepada kerajaan Selangor dan Sungai Ujong untuk tujuan penilaian bagi mencapai persetujuan bersama. Pada tahun 1880, tuntutan yang dikemukakan oleh Raja Bot ini telah dipersetujui oleh kedua-dua belah kerajaan dan disokong oleh Gabenor Negeri-negeri Selat bagi menamatkan pertikaian persempadanan Lukut dengan Sungai Ujong (Mohamad Amin Hassan 1967). Walau bagaimanapun, proses tuntutan Raja Bot tertangguh seketika kerana Dato' Kelana Syed Abdul Rahman mati dibunuh ketika dalam perjalanan untuk menunaikan fardu Haji di Makkah pada tahun 1880 (J.M. Gullick 2003). Keadaan ini menyebabkan pihak British terpaksa menunggu perlantikan Dato' Kelana Sungai Ujong yang baru. Akhirnya, Dato' Lela Setia Muhammad Yusuf bin Hashim telah dilantik pada tahun 1881 (J.M. Gullick 2003).

#### LUKUT TIDAK STABIL

Perbincangan sebelum ini mengenai isu persempadanan Lukut dengan Sungai Ujong tidak melibatkan Raja Bot. Ini menyebabkan Raja Bot berasa tidak puas hati dan berusaha untuk mempertahankan hak kekuasaannya ke atas Lukut. British telah menubuhkan sebuah Suruhanjaya

bagi membentuk Jawatankuasa pada Mei 1876. Ahli jawatankuasa terdiri daripada Penolong Residen Selangor iaitu Frank Swettenham dan Sultan Abdul Samad, Residen British di Sungai Ujong iaitu Kapten Murray dan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman sementara wakil Kerajaan British di Singapura iaitu Charles John Irving (C.O.273/95/1440). Suruhanjaya ini turut mencadangkan agar pertukaran wilayah antara Sultan Abdul Samad dengan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman (J.M. Gullick 2004). Walau bagaimanapun, pertikaian persempadanan tersebut tidak mencapai jalan penyelesaian sehingga April 1877. Oleh itu, melalui pembentukan jawatankuasa ini, British telah melantik seorang pegawainya iaitu Kolonel Edward Archibald Harbord Anson iaitu Pemangku Gabenor Negeri-negeri Selat untuk menjalankan penilaian terhadap masalah persempadanan Selangor dengan Sungai Ujong (C.O. 273/95/1440).

Meskipun penilaian telah dijalankan jawatankuasa, namun bukti yang diberikan adalah bertentangan. Oleh hal yang demikian, jawatankuasa tersebut tidak bersetuju mengenai persempadanan yang telah ditetapkan (C.O. 273/95/1440). Kemudian, Kolonel Edward Archibald Harbord Anson telah mengarahkan Kapten Bloomfield Douglas dan Kapten Murray untuk mencari jalan penyelesaian berkenaan dengan isu persempadanan Lukut dengan Sungai Ujong dengan cara tidak formal iaitu berdasarkan kemudahan bersama dan atas prinsip umum ekuiti kepada kedua-dua pihak (C.O. 273/95/1440). Lanjutan itu, pemerintah Selangor dengan Sungai Ujong mengadakan rundingan bagi mencapai kata sepakat mengenai persempadanan tersebut. Oleh itu, pada 15 Februari 1878 termeterainya perjanjian persempadanan Selangor dengan Sungai Ujong antara Sultan Abdul Samad, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman di saksi oleh Kapten Bloomfield Douglas dan Kapten P.J Murray.

#### PENYERAHAN LUKUT KEPADA SUNGAI UJONG

Melalui perjanjian persempadanan Selangor dengan Sungai Ujong ia telah mengakibatkan penyerahan Lukut kepada Sungai Ujong secara rasminya. Raja Bot telah dijanjikan untuk diberikan pampasan. Namun, Raja Bot menolak semua tawaran pampasan yang diberikan kepadanya (Buyong Adil 1971). Kapten P.J.

Murray datang menemui Raja Bot di Lukut untuk menjelaskan bahawa Lukut telah ditukarkan dengan Rekoh kerana Sungai Ujong tiada pelabuhan. Lantaran itu, Raja Bot mempersoalkan mengenai pertukaran wilayah tersebut. Ini kerana Rekoh adalah milik Selangor sedangkan Lukut adalah miliknya.

Pada April 1878, kerajaan Sungai Ujong telah mengeluarkan notis perisytiharan secara rasmi mengenai kedudukan Lukut (1957/0445935). Notis perisytiharan ini mengandungi cap mohor Sultan Abdul Samad untuk diserahkan kepada Raja Bot bertujuan bagi memaklumkan bahawa Lukut adalah di bawah kekuasaan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman. Oleh itu, semua penduduk Lukut perlu mematuhi undang-undang yang digubal dan perlu membayar cukai kepada kerajaan Sungai Ujong. Walaupun perjanjian persempadanan Lukut dengan Sungai Ujong tidak melibatkan Raja Bot secara langsung dan persetujuan daripada beliau sebagai pembesar Lukut, perjanjian ini dianggap muktamad (Colonial Secretary Office (C.S.O) Straits Settlement, No. 10/78, 24 June 1878). Sekali lagi Raja Bot telah menghantar sepucuk surat kepada Gabenor Negeri-negeri Selat pada 2 Mei 1878 untuk membuat bantahan kerana tidak mengetahui mengenai notis perisytiharan tersebut. Ini kerana Lukut adalah kurniaan daripada almarhum Sultan Muhammad Shah kepada ayahandanya iaitu Raja Jumaat (C.O. 275/95). Bagaimanapun, Gabenor Negeri-negeri Selat tidak menjawab persoalan dan pertanyaan yang dikemukakan oleh Raja Bot sehingga menyebabkan Raja Bot berasa tidak berpuas hati.

Oleh itu, pada 11 Jun 1878, Raja Bot telah menghantar sepucuk lagi surat kepada kerajaan British di Singapura. Dalam kandungan yang ditulis oleh Raja Bot jelas menunjukkan sikap tegas beliau untuk mempertahankan kedaulatan dan haknya ke atas Lukut. Turut ditegaskan bahawa tiada sebarang urusan perpindahan hak milik yang berlaku ke atas hartanah Lukut (C.O. 273/98). Penduduk Lukut tidak perlu membayar cukai kepada Sungai Ujong. Walau bagaimanapun, kerajaan British di Singapura tidak memberikan sebarang maklum balas kepada dua pucuk surat yang telah diutuskan oleh Raja Bot. Pada 2 Julai 1878, sekali lagi penghantaran surat Raja Bot telah dihantar kepada Sir Willian Cleaver Francis Robinson iaitu Gabenor Negeri-negeri Selat yang memerintah antara tahun 1877 sehingga 1879. Namun, surat Raja Bot telah dibalas oleh Frank Swettenham selaku Penolong Setiausaha Tanah

Jajahan pada 3 Julai 1878. Frank Swettenham telah memutuskan bahawa persempadanan ini tidak boleh dipertikai dan diubah. Jawapan oleh Frank Swettenham ini bermaksud Lukut adalah kekal milik Sungai Ujong.

#### KEMEROSOTAN EKONOMI DI LUKUT

Kemajuan dan kemakmuran ekonomi di Lukut bergantung kepada penglibatan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan dan perniagaan. Selepas kebakaran sejumlah kedai, imigran Cina telah meninggalkan Lukut. Keadaan ini mengakibatkan ekonomi Lukut semakin merosot. Selain itu, hasil pendapatan Lukut juga semakin berkurangan terutamanya dalam pengeluaran kutipan cukai bijih timah dan barangan yang diimport seperti kayu-kayan. Imigran Cina mengambil keputusan untuk meninggalkan Lukut kerana merasakan keamanan mereka semakin tergugat terutamanya dari segi ancaman nyawa dan harta benda. Jika dibandingkan semasa pemerintahan Raja Jumaat, Lukut mempunyai 20,000 imigran Cina. Akhirnya, hanya tinggal sedikit sahaja imigran Cina yang menjalankan kegiatan perlombongan. Jumlah imigran Cina di Lukut kian merosot apabila bilangan imigran Cina yang tinggal adalah seramai 300 orang sahaja. Sementara itu, pendapatan Raja Bot juga jika sebelum ini adalah sebanyak 50 bahara timah sebulan telah berkurangan kepada 20 bahara. Bukan sahaja itu, hasil candu, perjudian dan tanaman yang memberikan pendapatan sebanyak \$400 Dollar sebulan juga telah mengalami pengurangan kepada \$100 Dollar sahaja (Mohamad Amin Hassan 1967).

Menjelang tahun 1877, Raja Bot menjadi semakin tertekan kerana masalah kewangan yang sangat kritikal. Hal ini kerana pendapatan Lukut menjadi semakin meleset sehingga menyebabkan peruntukan kewangan untuk mentadbir Lukut dan menyara kehidupan keluarganya berkurangan (Mohamad Amin Hassan 1967). Ini dapat dilihat menerusi kenyataan Raja Bot;

“...Beta sangat kesusahan dan kesempitan dan sentiasa hendak mengawal sedikit (sahaja) nafkah yang diperoleh. Kepada fikiran beta lagi kehidupan bertambah-tambah kesusahan beta demikian adanya... Daripada hasil-hasil cukai-cukai yang sedikit-sedikit pun beta pungut dan kutip, di dalam ini pun tiada bercukupan belanja-belanja beta adik beradik janggankan hendak di belanjakan-belanjakan kepada negara”

(Mohamad Amin Hassan 1967)

Kenyataan ini membuktikan bahawa Raja Bot sedang menghadapi krisis kewangan yang serius. Keadaan ini menyebabkan Raja Bot semakin susah untuk mentadbir Lukut. Jika dibandingkan semasa pentadbiran Raja Jumaat, Lukut berjaya memperoleh pendapatan bulanan lingkungan \$10,000 hingga \$15,000 yang diperoleh daripada hasil cukai ke atas biji timah, candu, pajakan judi, arak dan barangan import dan eksport. Tetapi malangnya, Raja Bot hanya mampu memperoleh sekitar \$200 hingga \$300 sebulan (1957/0000489 States that the Revenue in his District in Insufficient for his Expencc). Keadaan ini ditambah lagi dengan jumlah imigran Cina yang semakin merosot kerana mereka berpindah ke Sungai Ujong dan Lembah Kelang. Jika sebelum ini, jumlah imigran Cina adalah seramai 10,000 orang namun pada tahun 1877, hanya tinggal kira-kira 300 orang imigran Cina sahaja (Buyong Adil 1971). Akibat daripada penghijrahan imigran Cina ini, Lukut menghadapi kemerosotan ekonomi terutamanya dalam perniagaan, pertanian, perladangan dan perlombongan bijih timah. Ini kerana sebahagian besar pendapatan Lukut adalah berbentuk cukai sehingga menjejaskan pentadbiran Raja Bot. Selari dengan laporan Raja Bot bertarikh 20 Julai 1877 dan menurut catatan Frank Swettenham dalam *Some Account of the Independent Native States of the Malay Peninsula*;

“...Lukut merupakan sebuah daerah yang paling berkembang maju di Selangor dengan pendapatan hampir \$200,000 setahun. Namun, setelah beliau (Raja Jumaat) meninggal dunia, antara kegagalan yang berlaku ialah kekurangan hasil sumber dan pendapatan yang berkesan oleh anak-anaknya. Pendapatan Lukut ketika itu jatuh hingga \$5,000 setahun sahaja...” (1957/0000489 States that the Revenue in his District in Insufficient for his Expencc & Frank Sweettenham 1880).

Jelas sekali bahawa kestabilan dan kemakmuran Lukut bergantung kebijaksanaan Raja Jumaat. Hal ini kerana kemerosotan ekonomi Lukut adalah disebabkan Raja Bot tidak setanding dengan ayahandanya. Tambahan pula, Raja Bot tidak mendapat sokongan dan kepercayaan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina kerana keadaan konflik di Lukut amat membahayakan keselamatan mereka. Konflik yang berterusan ini juga turut mengganggu perkembangan ekonomi di Lukut sehingga menyebabkan sumber bijih timah habis. Oleh itu, pemodal Negeri-negeri Selat mengharap jaminan keselamatan daripada Raja Bot agar kestabilan di Lukut dapat dipelihara.



Pemodal Negeri-negeri Selat turut mendesak Raja Bot agar menyelesaikan terlebih dahulu isu keselamatan. Ini supaya pemodal Negeri-negeri Selat dapat membuat pelaburan ekonomi di Lukut. Hal ini kerana pemodal Negeri-negeri Selat tidak mahu menanggung sebarang kerugian terhadap keselamatan tenaga buruh dan kerosakan harta benda. Walau bagaimanapun, Raja Bot gagal memberikan jaminan terhadap keamanan di Lukut. Keadaan ini menyebabkan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina tidak memberi tumpuan kepada Lukut. Penyusutan hasil pengeluaran perlombongan bijih timah turut dirasai oleh Raja Bot ekoran pengurusan yang tidak efisien (J.M. Gullick 2004). Menurut J.M. Gullick dan Frank Swettenham, Raja Bot dan Raja Yahya mentadbir Lukut dengan teruk dan tidak adil (J.M. Gullick 2004). Oleh itu, ekonomi Lukut menjadi semakin merosot kerana Raja Bot gagal mengutip cukai terhadap setiap keluaran bijih timah, cukai pajak gadai, cukai candu dan cukai arak (Buyong Adil 1971).

#### PERJANJIAN KONVENSYEN PERSEMPADANAN ANTARA SELANGOR DAN LUKUT

Sekali lagi Gabenor Negeri-negeri Selat telah menjemput Raja Bot untuk ke Singapura untuk menandatangani perjanjian yang dikenali sebagai Konvensyen Persempadanan Selangor dengan Lukut pada 31 Julai 1880. Penurunan tandatangan berserta cap mohor Raja Bot disaksikan oleh John Burkinshaw. Kemudian, perjanjian ini telah dibawa kepada Sultan Abdul Samad untuk ditandatangani dengan disaksikan oleh B. Douglas pada 5 Ogos 1880. Setelah itu, perjanjian tersebut dibawa pula ke Sungai Ujong untuk ditandatangani oleh Dato' Muhammad Yusuf bin Hashim dan disaksikan oleh P.J Murray. Akhirnya, pada 8 September 1880, perjanjian tersebut telah diserahkan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat iaitu Sir Frederick A. Weld untuk diperakui dan disahkan oleh pegawai British (Nurul Huda Mohd Akib & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus 2021).

Menurut perjanjian Konvensyen Persempadanan Selangor dengan Lukut, Sultan Abdul Samad dan Dato' Muhammad Yusuf bin Hashim bersetuju dengan semua syarat yang telah dikemukakan oleh Raja Bot. Raja Bot telah bersetuju untuk tidak membuat tuntutan sebagai pembesar di Lukut. Raja Bot juga menerima pampasan sebanyak \$27,000, sebidang tanah

seluas dua ekar permakaman keluarga Raja Bot dan 3,000 ekar tanah sekitar Lukut sehingga ke Selat Melaka iaitu berhampiran dengan laut. Namun, masih tertakluk kepada peraturan kerajaan Sungai Ujong. Ganti rugi dan bon tersebut adalah tanggungan kerajaan Sungai Ujong. Oleh itu, Raja Bot dan waris-warisnya tidak dibenarkan untuk memajak dan menjual tanah-tanah tersebut. Menerusi perjanjian persempadanan tersebut, Raja Bot dapat menerima secara rasminya bahawa Lukut adalah di bawah pemerintahan dan pentadbiran Sungai Ujong (Nurul Huda Mohd Akib & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus 2021).

#### KESIMPULAN

Kewujudan konflik dalam kalangan pembesar Melayu telah mengakibatkan implikasi terhadap perkembangan sejarah Lukut. Semasa pemerintahan almarhum Raja Jumaat lagi tuntutan dibuat oleh Dato' Kelana Sungai Ujong terhadap persempadanan Lukut dengan Sungai Ujong dibuat namun ia terhenti tanpa sebarang jalan penyelesaian. Namun, tuntutan pemisahan Lukut dari Kesultanan Selangor ini dibangkitkan semula oleh Dato' Kelana Sending semasa Lukut berada di bawah pentadbiran Raja Bot. Selepas kematian Dato' Kelana Sending tuntutan ke atas Lukut diteruskan pula oleh pewaris beliau iaitu Dato' Kelana Syed Abdul Rahman. Bukan sahaja itu, Lukut menjadi huru hara akibat pertelingkahan dalam kalangan pembesar Melayu sehingga mencetuskan peperangan kerana merebutkan kawasan. Antaranya ialah pertelingkahan yang berlaku di antara Raja Bot dan sepupunya, Raja Sulaiman. Selain itu, Raja Mahadi dan pengikutnya juga membuat kekacauan sehingga menakutkan pemodal dan imigran Cina untuk melabur dan singgah berdagang di Lukut.

Sehubungan itu, keadaan Lukut menjadi tidak stabil sehingga mengakibatkan kemelesetan ekonomi. Selain itu pemodal Negeri-negeri Selat juga takut untuk melabur di Lukut kerana tidak mendapat jaminan keselamatan dari Raja Bot. Campur tangan British bagi menyelesaikan masalah tuntutan persempadanan Lukut dengan Sungai Ujong telah membawa kepada penyerahan Lukut kepada Sungai Ujong. Impaknya, kekuasaan Raja Bot sebagai pemerintahan dan pentadbiran Lukut telah berakhir. Selain itu, dengan termeterainya perjanjian konvensyen persempadanan Lukut dengan Selangor, Raja Bot terpaksa menerima hakikat bahawa beliau telah

kehilangan jawatannya dan dibayar ganti rugi. Oleh itu, Lukut secara rasminya terpisah dari Kesultanan Selangor dan menjadi sebahagian dari wilayah Kesultanan Negeri Sembilan.

#### RUJUKAN

- 1957/0445935 Application for 50 acres of land in the Mukim of Lukut. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 1957/0000489 States that the Revenue in his District in Insufficient for his Expencc. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- A. Talib Ahmad. 1986. *Perang Saudara di Selangor 1868-1873*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria. 2012. *Sejarah Pentadbiran Lukut, 1810-an-1878: Status Entiti Politik dan Orang Besar Daerah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Noor Ain Mat Noor dan Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli. 2020. Lukut, 1846-1864: Bandar terawal di Selangor. *JEBAT: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies* 47(2): 175-198.
- Amarjit Kaur. 1985. Perkembangan ekonomi Selangor: Suatu tinjauan sejarah. Adnan Hj. Nawang dan Mohd Fadzil Othman (pnyt.). *Selangor Sejarah dan Proses Pembangunannya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya dan Muzium Sultan Alam Shah.
- B/SUK 295/98. Surat Watikah daripada Sultan Abdul Samad ibni Raja Abdullah kepada Raja Jumaat bin Raja Jaafar. 20 Mei 1861. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Bird, Isabella L. 1883. *The Golden Chersonese and the Way Thither 1831-1904*. London: John Murray, Albemarle Street.
- Buyong Adil. 1971. *Sejarah Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil. 2019. *Sejarah Selangor Siri Sejarah Nusantara*. (Edisi Semakan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- C.O. 273/95/1440, Conclusion of a boundary arrangement between Salangore & Sungai Ujong. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- C.O. 273/98. Memorandum Relative to the Seed of Gift Bestowing the District of Lukut on Raja Jumaat His Heir and Successor, Executed by the late Sultan Mohamed of Selangor, 4 August 1846. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- C.O. 273/98/3689, Raja Bot's Future Petition in Lukut. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- CO 276/19, Annual Report on the state of Selangor for the year 1888. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Colonial Secretary Office (C.S.O) Straits Settlement, No. 10/78, 24 June 1878. Boundary Question-Sungai Ujong and Selangor. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Gammans, L.D. 1924. The State of Lukut. (With Text Figures). *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 2(3)(92): 291-95.
- Gullick, J.M. 2002. The Cavenagh Papers. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 75(2)(283): 51-64.
- Gullick, J.M. 2003. *A History of Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Gullick, J.M. 2004. *A History of Selangor 1766-1939*. Monograph, No. 28. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Khazin Mohd Tamrin. 1977. Orang Jawa di Selangor kedatangan dan penempatan. 2020. *JEBAT: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies* 3/4: 68-97.
- Khoo Kay Kim & Paiman Bin Keromo. 1989. *Selangor Darul Ehsan Satu Persepsi Sejarah*. Kuala Lumpur: Univerisiti Malaya.
- Khoo Kay Kim. 1984. *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagangan Terhadap Politik Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Mills, J.L. 1930. A Malacca, Meridional India and Cathay. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)* VIII.
- Mills, L.A. 1974. Arab and Chinese navigators in Malaysian waters in about A.D. 1500. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)* XLVII(2) (226): 1-23.
- Mohamad Amin Hassan. 1967. Raja Bot bin Raja Jumaat. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 40(2)(212): 68-93.
- Mohamad Amin Hassan. 1972. Selangor: Brief Description of its country and people before the Middle of the Nineteenth Century. *Malaysia in History* 15(1): 2-6.
- Mohd Amin Hassan. 1972. Sultan Abdul Samad. Selangor Issues Content. *Malaysia in History* XV(1): 22-29.
- Norhalim Ibrahim. 1995. *Negeri Sembilan*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nurul Huda Mohd Akib & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2021. Lukut dalam sempadan dua negeri, 1862-1880. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 18(7): 153-170.
- Raja Bot Raja Jumaat. 1878. Lukut. *The Straits Times*. XXXIV 2918.
- Rosiswandy Mohd. Salleh. 2019. *Sejarah Lukut Kegemilangan Sebuah Pemerintahan Melayu Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Straits Settlement Records, F1, 22 Ogos 1818; *The administration report of the State of Selangor for the year 1889*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- SSF 1228/89; Forwards Journal for March 1889. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Swettenham, Frank. 1881. Some Account of the Independent Native States of the Malay Peninsula, Part 1. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 6: 161-202
- Yusoff Hassan. 1983. *Jugra dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Tra-tra.
- Zulkapli bin Haji Othman dan Mohd Khalid b. Yasin. 1994. Sejarah Lukut Negeri Sembilan. *Warisan Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia* 18: 29-37

Nur Hafizah Bt. Md. Hamzah  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
39500 Tanjung Malim, Perak  
E-mel: fizahamzah.nhnh@gmail.com

Adnan Jusoh  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
39500 Tanjung Malim, Perak  
E-mel: adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my